



# **SIARAN MEDIA**

## *MEDIA RELEASE*

### **LAPORAN PENEMUAN RINGKAS**

### **KAJIAN TENAGA KERJA 2017**

*REPORT OF SUMMARY FINDINGS*  
*THE LABOUR FORCE SURVEY 2017*

Jabatan Perangkaan  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Statistics*  
*Department of Economic Planning and Development*  
*Ministry of Finance and Economy*  
*Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**LAPORAN PENEMUAN RINGKAS  
KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2017**

---

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), telah mengendalikan **Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2017** mulai 16 Oktober hingga 12 November 2017.
2. Objektif utama KTK 2017 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.
3. Kajian ini telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematik. Data yang diperolehi daripada keluarga tersebut telah disesuaikan (*extrapolated*) mengikut kewajaran sampel (*sampling weights*) bagi mewakili seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam. Hasil KTK 2017 menunjukkan terdapat kira-kira 81,100 buah keluarga atau isirumah dan seramai 328,500 orang berumur 15 tahun ke atas.
4. JPKE telah mengeluarkan Laporan Penemuan Ringkas Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2017 yang berasaskan data muktamad dari hasil kajian tersebut. Di antara intisari yang dimuatkan dalam laporan ini adalah seperti berikut:

- Pada tahun 2017, kadar penyertaan tenaga kerja adalah sebanyak 62.7 peratus, di mana kadar penyertaan bagi lelaki lebih tinggi sebanyak 68.9 peratus berbanding dengan perempuan 56.5 peratus.
- Jumlah penduduk yang bekerja adalah seramai 186,900 orang, terdiri dari 103,800 orang lelaki (55.5 peratus) dan 83,100 orang perempuan (44.5 peratus).
- Daripada jumlah penduduk yang bekerja, pekerja tempatan merupakan pekerja teramai, sebanyak 74.6 peratus (139,400 orang), manakala sebanyak 25.4 peratus (47,500 orang) adalah pekerja asing.
- Taburan penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan adalah seperti berikut:
  - Pekerja (*employees*) sebanyak 91.1 peratus (170,200 orang);
  - Pekerja Sendiri sebanyak 5.7 peratus (10,700 orang);
  - Majikan 2.8 peratus (5,300 orang); dan
  - Pekerja Keluarga 0.4 peratus (700 orang).
- Seramai 75,400 orang (40.4 peratus) bekerja di sektor kerajaan dan 111,500 orang (59.6 peratus) di sektor swasta.
- Jenis aktiviti ekonomi yang meliputi kedua-dua sektor kerajaan dan swasta menunjukkan bahawa pentadbiran awam menyumbang bahagian terbesar iaitu sebanyak 25.0 peratus (46,800 orang). Ini diikuti oleh perdagangan borong dan runcit 14.7 peratus (27,400 orang) dan pendidikan 9.4 peratus (17,500 orang).
- Taburan penduduk bekerja mengikut jenis pekerjaan pula adalah seperti berikut:
  - Pekerja perkhidmatan dan jualan menyumbang bahagian terbesar dengan 21.3 peratus (39,900 orang);
  - Pekerja profesional sebanyak 17.0 peratus (31,900 orang); dan
  - Pekerjaan asas 16.9 peratus (31,600 orang).

- Daripada jumlah keseluruhan penduduk yang bekerja tersebut, kira-kira 14,500 orang (7.8 peratus) adalah bekerja di sektor tidak formal (*informal sector*). Sektor tidak formal ini terdiri daripada perusahaan atau perniagaan swasta yang tidak berdaftar dan tidak menyimpan rekod akaun, termasuk isirumah (*households*) yang bekerja di rumah persendirian.
  - Purata pendapatan sebulan dari pekerjaan pada tahun 2017 adalah BND 1,478 bagi setiap orang yang bekerja berbanding BND 1,874 pada tahun 2014. Pekerja tempatan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi sebanyak BND 1,579 secara purata, berbanding BND 1,180 bagi pekerja asing.
  - Jumlah penduduk yang menganggur adalah kira-kira seramai 19,200 orang dengan kadar pengangguran sebanyak 9.3 peratus. Daripada jumlah ini, seramai 8,500 orang adalah terdiri dari belia yang berumur 15 hingga 24 tahun.
5. JPKE ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.
6. Laporan Penemuan Ringkas Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2017 boleh didapati melalui laman web JPKE. Laporan yang lebih terperinci akan dikeluarkan melalui penerbitan akan datang. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPKE seperti berikut:

Telefon : 2230250 atau 2230265 (waktu pejabat)  
 E-mel : [info.statistics@jpke.gov.bn](mailto:info.statistics@jpke.gov.bn)  
 Laman web : [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**REPORT OF SUMMARY FINDINGS OF THE**  
**LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2017**

---

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Development (JPKE), conducted the **Labour Force Survey (LFS) 2017** starting from 16 October to 12 November 2017.*
2. *The main objective of LFS 2017 was to collect latest information on the size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force in the country.*
3. *The survey covered about 3,200 selected households throughout the country using systematic sampling method. The data obtained from the selected households were extrapolated according to the sampling weights to represent the total population of Brunei Darussalam. The LFS 2017 results showed that there was a total of about 81,100 households and 328,500 persons aged 15 years and above.*
4. *JPKE has released the **Report of Summary Findings of the Labour Force Survey (LFS) 2017** based on the final data from the survey. Among the main findings included in the report are as follows:*

- *In 2017, the labour force participation rate was 62.7 per cent, where the rate for males was considerably higher at 68.9 percent than that for females 56.5 per cent.*
- *The total number of employed persons was 186,900 persons, comprising 103,800 males (55.5 per cent) and 83,100 females (44.5 percent).*
- *Out of the overall total number of employed persons, local workers accounted for the largest share of 74.6 per cent (139,400 persons), while 25.4 per cent (47,500 persons) were non-local workers.*
- *The distribution of employed persons by thier employment is as follows:*
  - *Employees at 91.1 per cent (170,200 persons);*
  - *Own-account workers 5.7 per cent (10,700 persons),*
  - *Employers 2.8 per cent (5,300 persons); and*
  - *Family workers 0.4 per cent (700 persons).*
- *The total of 75,400 persons (40.4 percent) employed in the government sector and 111,500 persons (59.6 percent) in the private sector.*
- *By type of economic activity, which consists of both government and private sectors, shows that public administration contributed the largest share at 25.0 per cent (46,800 persons). This was followed by wholesale and retail trade with 14.7 per cent (27,400 persons) and education 9.4 per cent (17,500 persons).*
- *The distribution of the employed persons by occupation shows that:*
  - *Service and sales workers accounted for the highest share of 21.3 per cent (39,900 persons);*
  - *Workers in professionals occupation at 17.0 per cent (31,900 persons); and*
  - *Elementary occupations 16.9 per cent (31,600 persons).*

- *Out of the total employment, about 14,500 persons (7.8 per cent) were employed in the informal sector. The informal sector comprises of unregistered private business enterprises that did not keep record of accounts, including households working in their own private houses.*
  - *The average monthly income from work in work was BND 1,478 per employed person compared to BND 1,874 in 2014. The local workers earned a higher monthly income of BND 1,579, while the non-local workers earned BND 1,180 per month on average.*
  - *The total number of unemployed was around 19,200 with an unemployment rate of 9.3 per cent. Out of the unemployed, there were about 8,500 youths aged 15 to 24 years.*
5. *JPKE would like to take this opportunity to express our appreciation to the selected households in LFS 2017 for their cooperation throughout the survey period.*
6. *The Report of Summary Findings of the Labour Force Survey (LFS) 2017 is available from JPKE's website. The detailed report will be released in a forthcoming publication. For any enquiries on this matter, please refer to JPKE as follows:*

*Telephone : 2230250 or 2230265 (office hours)*  
*E-mail : [info.statistics@jpke.gov.bn](mailto:info.statistics@jpke.gov.bn)*  
*Website : [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).*